

22/05/1997

RCL Plasma Asia meterai janji urus sisa

Mutazar Abd Ghani

RCL Plasma Asia Sdn Bhd (RCL Plasma Asia) akan mengetuai penerokaan Malaysia dalam teknologi mengurus sisa terancang di negara ini dan Asia selepas menandatangani perjanjian dengan rakannya dari Kanada - Resorption Canada Ltd (RCL) di Toronto, baru-baru ini.

Teknologi mengurus sisa menggunakan tahap kepanasan tinggi iaitu antara 3,000 hingga 10,000 darjah selsius, untuk mengubah semua bentuk sisa di dalam bilik tanpa oksigen yang kemudiannya menjadi timbunan untuk mendapatkan produk tanpa pencemaran serta bebas sisa toksik.

Selain pemindahan teknologi, Ketua Eksekutif RCL Plasma Asia, Emil Rinaldi Syaiful Anwar, berkata perjanjian berkenaan memberi pelbagai faedah yang lumayan kepada syarikat.

Ini termasuk pemilikan bersama terhadap teknologi terbabit; mendapat hak milik mewujudkan teknologi berkenaan di dalam sistem pembangunan negara masa kini; pemilikan pemasaran eksklusif di Asia; nisbah perkongsian pendapatan untuk RCL Plasma Asia dan RCL pada 65:35; mendapat keizinan membuat loji plasma di Malaysia.

Menurutnya, faedah lain ialah sokongan teknikal sepenuhnya untuk pemasaran RCL Plasma Asia, termasuk membekalkan bahan dan kegunaan penulisan.

Beliau berkata tanggungjawab RCL Plasma Asia kini ialah untuk memainkan fungsi penting menggiatkan teknologi mengurus sisa di dalam negara dan rantau Asia.

"Teknologi terbabit terjamin keselamatan dan adalah cara paling berkesan di dalam sistem mengurus sisa terkini, akan menandakan perubahan pengurusan sisa di Malaysia dan Asia.

"Bentuk sisa terbabit ialah pengurusan kuantiti sisa yang banyak daripada kawasan bandar dan industri serta berisiko seperti minyak kapal, petroleum, sisa radiasi rendah dan biokimia," katanya dalam satu kenyataan di Kuala Lumpur.

Emil menyatakan pencapaian dan pembangunan seterusnya dalam teknologi itu sesuai dengan saranan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad supaya usahawan tempatan menceburi industri teknologi tinggi daripada bergantung kepada teknologi luar dan industri buruh intensif.

Selaras dengan wawasan Perdana Menteri, beliau berkata RCL Plasma Asia akan membiayai dan mengambil bahagian dalam program pembangunan dan penyelidikan (R&D) bagi meningkatkan teknologi mengurus sisa plasma.

"Matlamat kami adalah untuk membersihkan teknologi itu dan menjadikannya komersil sebagai sumbangan kepada negara ke arah menjayakan Wawasan 2020," katanya.

Langkah berikutnya, kata beliau, RCL mahu menjadikannya kehadiran mereka dirasai di dalam pasaran yang mengandungi jumlah pengeluar tempatan yang banyak dan mereka yang berurusan dengan penyimpanan dan pelupusan sisa.

Sebaik saja mempunyai tapak yang kukuh di dalam negara, menurutnya, RCL Plasma Asia akan mengeksport teknologi berkenaan ke rantau Asia Pasifik.

"Kami yakin mendapat sambutan di Asia kerana kami menjual teknologi baru yang berkesan, menjimat dan memelihara alam sekitar," katanya sambil menambah teknologi terbabit adalah pilihan terbaik untuk melupuskan sisa kerana ia tidak mengancam alam sekitar kerana ia tidak mengeluarkan asap, mengotorkan serta menghapuskan semua jenis pencemaran.

Malah, kata Emil, teknologi itu sama pentingnya dengan mengurangkan jumlah sampah pada nisbah kira-kira 200:1 dan sisa biokimia, keputusannya

lebih memuaskan - nisbah 400:1.

Selain itu, produk hasil proses plasma boleh digunakan semula dan secara komersil seperti timbunan sisa yang boleh digunakan untuk membuat kerusi taman dan meja serta ukiran, katanya.

(END)